

05/04/2001

EON taja Rali Milenium

Haryani Ngah

PENGEDAR kereta nasional, Edaran Otomobil Malaysia Berhad (EON) menyahut seruan kerajaan membangunkan sukan bermotor di Malaysia dengan menjadi penaja utama Kejohanan Rali Milenium EON 2001, bermula 7 April ini.

Kejohanan itu membabitkan enam pusingan bermula di Kedah pada 7 dan 8 April, pusingan kedua di Selangor (12 hingga 13 Mei), ketiga di Pahang (9 hingga 10 Jun), keempat di Johor (14 hingga 15 Julai), kelima di Melaka (17 hingga 19 Ogos) dan berakhir di Selangor dan Negeri Sembilan pada 6 hingga 7 Oktober.

Pengarah Urusan EON, Datuk Adzmi Abdul Wahab berkata, pihaknya menyambut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu melihat sukan bermotor maju di Malaysia.

"Sebagai peneraju dalam pengedaran kereta nasional, objektif kami adalah berusaha membangunkan sukan bermotor dengan menjadi penaja di samping berusaha mempromosikan acara ini.

"Sebagai pesaing dalam industri permotoran pula kami sentiasa meningkatkan mutu barangan keluaran EON dan Proton," katanya dalam sidang akhbar Pelancaran Kejohanan Rali Milenium EON di Shah Alam, semalam.

Turut hadir, Pengarah Acara dan Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Rally Events (M) Sdn Bhd, Ron Teoh, Presiden Kelab Sukan Bermotor Maju, Ahmad Sahaimi Abdullah, Donald Choo, Pengarah Eksekutif EON dan Pengurus Kanan, Perkhidmatan Pemasaran EON, Abdul Razak Dawood.

Lebih sedekad EON terbabit dalam penajaan sukan bermotor menerusi Pasukan Petronas EON (PERT) bermula 1987 apabila kejohanan itu menggunakan kenderaan 2WD Proton.

"Malaysia terbabit dalam Kejohanan Rali Dunia lebih daripada 10 tahun dan kami mengambil peluang untuk menaja Kejohanan Rali Milenium EON 2001 sebagai usaha meningkatkan mutu kejohanan bermotor di Malaysia sehingga diiktiraf di peringkat antarabangsa.

"Penganjuran kejohanan ini diharap mendapat pengiktirafan Persekutuan Otomobil Antarabangsa (FIA), yang membolehkan negara berpeluang menjadi penganjur salah satu pusingan di Kejohanan Rali Dunia," katanya.

EON menaja kejohanan itu dalam bentuk kewangan, teknikal, menyediakan marshal berkalayakan, pegawai berkaliber dalam mengendalikan kejohanan itu dengan kerjasama Rally Events (M) Sdn Bhd.

(END)